

KONFLIK DUNIA DAN PENDUDUKAN
JEPUN DI NEGARA KITA

KERTAS

1

Soalan Objektif

Arahan: Tiap-tiap soalan atau pernyataan yang berikut diikuti oleh empat jawapan pilihan iaitu A, B, C, dan D. Hanya terdapat satu jawapan yang betul atau paling sesuai. Pilih jawapan tersebut.

3.1 Nasionalisme di Negara Kita sebelum Perang Dunia

- 1 Kebangkitan Islam pada peringkat antarabangsa telah menggerakkan penentangan bercorak tempatan bagi mempertahankan agama Islam dan hak penduduk tempatan. Penentangan tempatan yang boleh dikaitkan dengan pernyataan tersebut ialah

(BUKU TEKS m.s. 52)

- A Penentangan Dol Said
- B Penentangan Tok Janggut
- C Kebangkitan Dato' Bahaman
- D Kebangkitan Dato' Maharaja Lela

- 2 Maklumat berikut berkaitan dengan empayar Islam.

- Pelindung umat Islam
- Penaung tanah suci Mekah dan Madinah

Empayar Islam tersebut merujuk kepada

(BUKU TEKS m.s. 52)

- A Umayyah
- B Assabiyah
- C Abbasiyah
- D Uthmaniyah

3.2 Latar Belakang Perang Dunia

- 3 Perang Dunia Pertama bermula pada tahun 1914. Apakah peristiwa yang mencetuskan Perang Dunia Pertama?


(BUKU TEKS m.s. 54)

- A Pembentukan Pakatan Bertiga

- B Pembunuhan Archduke Ferdinand
- C Penyertaan Amerika Syarikat dalam Pakatan Bertiga
- D Persaingan kuasa-kuasa besar dalam Pakatan Bertiga

- 4 Rajah berikut menunjukkan faktor yang mencetuskan Perang Dunia Pertama.

(BUKU TEKS m.s. 54)



Apakah X?

- A Krisis rantau Balkan
- B Kemunculan ideologi baharu
- C Kegagalan Liga Bangsa-Bangsa
- D Kegagalan Perjanjian Versailles

- 5 Perjanjian berikut telah menamatkan Perang Dunia Pertama.

Perjanjian Versailles 1919

Mengapakah Jerman tidak puas hati dengan perjanjian tersebut?

(BUKU TEKS m.s. 56)

- I Kehilangan tanah jajahan
- II Pampasan perang yang tinggi

- III Tidak terlibat dalam perjanjian
- IV Diletakkan di bawah pengaruh Britain
- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

- 6 Deklarasi berikut telah disyiharkan dalam Persidangan Damai Paris 1919.

Deklarasi 14 Perkara Woodrow Wilson

Apakah perkara yang dicadangkan dalam deklarasi tersebut?

(BUKU TEKS m.s. 56)

- A Pengamalan sistem demokrasi
- B Penyatuan rakyat melalui agama
- C Pemulihan sistem pemerintahan beraja
- D Penetapan sempadan negara berasaskan bangsa

- 7 Perang Dunia Pertama memberikan kesan besar terhadap negara Eropah.

- Rusia
- Jerman
- Austria-Hungary

Apakah kesan terhadap negara-negara tersebut?

(BUKU TEKS m.s. 57)

- I Penyatuan wilayah
- II Perpecahan empayar
- III Keruntuhan pemerintahan beraja
- IV Kebangkitan meluaskan empayar
- A I dan II C II dan III
- B I dan IV D III dan IV

3.3 Perang Dunia Kedua

8 Perang Dunia Kedua bermula di Eropah pada tahun 1939. Apakah peristiwa yang memulakan Perang Dunia Kedua di Eropah? (BUKU TEKS m.s. 58)

- A Rusia menyerang Berlin
- B Rusia menyerang Jerman
- C Jerman menyerang Poland
- D Jerman menceroboh Perancis

9 Perang Dunia Kedua berlaku di dua medan pertempuran, iaitu di Eropah dan Asia Pasifik.

Apakah faktor yang mencetuskan perang tersebut? (BUKU TEKS m.s. 58-59)

- I Kemelesetan ekonomi dunia
 - II Pembunuhan Franz Ferdinand
 - III Kegagalan Perjanjian Versailles
 - IV Perkembangan kuasa imperialis baharu
- A I dan II C II dan III
B I dan IV D III dan IV

10 Jerman tidak puas hati dengan syarat-syarat Perjanjian Versailles kerana menganggap perjanjian itu tidak adil dan menjejaskan kedaulatan negaranya. Bagaimanakah negara tersebut melanggar syarat-syarat Perjanjian Versailles? (BUKU TEKS m.s. 58)

- A Memperkuat angkatan tentera
- B Mengamalkan dasar tutup pintu
- C Memutuskan hubungan diplomatik
- D Mengeksport senjata ke luar negara

11 Setelah menguasai Eropah Barat, Jerman melancarkan serangan secara besar-besaran untuk menawan Rusia. Operasi tersebut dipanggil (BUKU TEKS m.s. 60)

- A D-Day
- B Blitzkrieg
- C Barbarossa
- D Operasi Semut

12 Itali di bawah pimpinan Benito Mussolini tidak puas hati terhadap Perjanjian Versailles kerana tidak diberikan tanah jajahan baharu. Bagaimanakah Itali mengembalikan imej negara? (BUKU TEKS m.s. 58)

- A Menyerang Britain
- B Meluaskan tanah jajahan
- C Mengadakan demonstrasi
- D Menyertai Tentera Bersatu

3.4 Perang Dunia Kedua di Asia Pasifik

13 Maklumat berikut berkaitan dengan perkembangan Jepun pada abad ke-20.

- Keperluan perindustrian
- Pengaruh golongan tentera
- Mewujudkan orde baharu.

Apakah tindakan Jepun bagi menghadapi perkembangan tersebut? (BUKU TEKS m.s. 59)

- A Meminta bantuan kuasa Barat
- B Mengadakan sekatan ekonomi
- C Menjalankan dasar peluasan kuasa
- D Membentuk kerajaan berbentuk republik

14 Tokoh berikut telah dilantik sebagai Perdana Menteri Jepun pada tahun 1941.



Jeneral Hideki Tojo

Apakah kesan pelantikan beliau terhadap Jepun? (BUKU TEKS m.s. 64)

- A Berbaik-baik dengan kuasa Eropah
- B Terlibat dalam kancah peperangan
- C Menamatkan dasar peluasan kuasa
- D Mengundurkan tentera dari Asia Tenggara

15 Pada awal abad ke-20, Jepun menjalankan dasar peluasan kuasa. Apakah faktor yang mendorong Jepun berdemikian? (BUKU TEKS m.s. 58)

- I Permintaan rakyat
 - II Keperluan perindustrian
 - III Pengaruh golongan tentera
 - IV Kemunculan ideologi
- A I dan II C II dan III
B I dan IV D III dan IV

16 Kuasa berikut telah mengemukakan sekatan ekonomi terhadap Jepun.

- Amerika Syarikat
- Britain
- Belanda

Mengapakah mereka berdemikian? (BUKU TEKS m.s. 59)

- A Memutuskan hubungan dengan Jepun
- B Menyekat dasar peluasan kuasa Jepun
- C Melemahkan struktur pentadbiran Jepun
- D Mengelakkan Jepun memperoleh bahan mentah

3.5 Faktor Kedatangan Jepun ke Negara Kita

17 Slogan berikut dilaungkan oleh pihak Jepun.

- Semangat Asia
- Asia untuk orang Asia

Slogan tersebut adalah berkaitan dengan (BUKU TEKS m.s. 64)

- A penjajahan baru
- B semangat kebangsaan
- C semangat antipenjajahan Barat
- D tanggungjawab membangunkan benua Asia

18 Tentera Jepun berlepas dari Teluk Cam Ranh (Vietnam) dan mendarat di Sarawak pada 16 Disember 1941. Mengapakah Sarawak menjadi sasaran tentera Jepun? (BUKU TEKS m.s. 64)

- A Kedudukan strategik
- B Kekayaan bijih timah
- C Kekayaan sumber minyak
- D Kepadatan penduduk asal

36 Dasar Pendudukan Jepun di Negara Kita

- 19 Maklumat berikut berkaitan dengan sebuah pasukan yang ditubuhkan semasa pendudukan Jepun di negara kita.



Apakah X? (BUKU TEKS m.s. 71)

- A Force 136
- B Kempeitai
- C Bintang Tiga
- D Koa Kunrenjo

- 20 Pertubuhan berikut telah didirikan semasa pendudukan Jepun di negara kita.

Koa Kunrenjo

Apakah peranan pertubuhan tersebut? (BUKU TEKS m.s. 71)

- A Menjaga keamanan penduduk kampung
- B Melatih pemimpin tempatan mentadbir
- C Mewujudkan kerjasama antara penduduk
- D Mengawal aktiviti ekonomi orang tempatan

- 21 Gambar berikut menunjukkan mata wang Jepun atau 'wang pokok pisang' yang diperkenalkan oleh pihak Jepun di Tanah Melayu.



Apakah kesan penggunaan mata wang tersebut? (BUKU TEKS m.s. 71)

- A Berlaku inflasi
- B Berlaku deflasi
- C Kebuluran berleluasa
- D Pengangguran berleluasa

- 22 Penggunaan mata wang Jepun atau 'wang pokok pisang' telah menyebabkan berlakunya inflasi di Tanah Melayu. Mengapakah berlaku keadaan demikian? (BUKU TEKS m.s. 71)

- A Kelemahan pemerintah
- B Cetakan tanpa kawalan
- C Permintaan berkurangan
- D Kelebihan barangan di pasaran

- 23 Jadual berikut menerangkan dasar ekonomi yang diamalkan di Tanah Melayu.

Tarikh	Langkah
Sebelum 1942	Dasar ekonomi bebas diamalkan
Selepas 1942	Dasar ekonomi kawalan diamalkan

Perubahan dasar ekonomi tersebut berlaku kerana (BUKU TEKS m.s. 71)

- A pendudukan Jepun
- B kemelesetan ekonomi
- C pencerobohan komunis
- D kemerosotan pelaburan

- 24 Bagaimanakah pentadbiran Jepun mengatasi masalah kemerosotan ekonomi di Tanah Melayu antara tahun 1942 – 1945? (BUKU TEKS m.s. 71)

- A Mengimport bahan makanan
- B Membawa masuk tenaga mahir
- C Memperkenalkan ekonomi kawalan
- D Menghentikan perdagangan antarabangsa

- 27 Maklumat berikut berkaitan dengan aktiviti yang dilakukan di Sarawak semasa pendudukan Jepun.

- Dilaksanakan oleh Jabatan Peninjauan Perkhidmatan Australia
- Mengumpulkan risikan
- Melatih orang tempatan melancarkan perang gerila melawan Jepun

Aktiviti tersebut dikenal sebagai (BUKU TEKS m.s. 72)

- A Operasi Zipper
- B Operasi Semut
- C Gerakan Gerila Force 136
- D Pemberontakan Double Tenth

37 Perjuangan Rakyat Menentang Pendudukan Jepun

- 25 Pasukan berikut telah ditubuhkan antara tahun 1944 hingga tahun 1945.

- Askar Melayu Setia
- Wataniah Pahang
- Gerila Melayu Kedah

Apakah tujuan penubuhan pasukan tersebut? (BUKU TEKS m.s. 72)

- A Membentuk Melayu Raya
- B Menentang tentera Jepun
- C Menghapuskan ancaman komunis
- D Memperjuangkan kemerdekaan negara

- 26 Senarai berikut merupakan anggota terawal Force 136.

- Mejar Tengku Mahmood Mahyiddeen
- Leftenan Tunku Yusuf Tunku Yaakub
- Kapten Ibrahim Ismail.

Apakah matlamat penubuhan Force 136? (BUKU TEKS m.s. 72)

- I Menentang penjajahan British
 - II Menyebarkan propaganda Jepun
 - III Mendapatkan sokongan orang Melayu
 - IV Menubuhkan pasukan gerila anti Jepun
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

3.8 Perkembangan Gerakan Nasionalisme Tempatan dan Pendudukan Jepun

28 Kesatuan Rakyat Indonesia Semenanjung (KRIS) ditubuhkan pada tahun 1945.

Apakah matlamat KRIS?

(BUKU Teks, m. 81)

- A Menyatupadukan orang Melayu
- B Memajukan ekonomi orang Melayu
- C Mewujudkan hubungan dengan Indonesia
- D Mencapai kemerdekaan bersama Indonesia

3.9 Keadaan Negara Kita selepas Kekalahan Jepun

29 Pendudukan Jepun di negara kita mendatangkan penderitaan kepada penduduk dalam semua aspek kehidupan.

Apakah pengajaran daripada situasi tersebut?

(BUKU Teks, m. 83)

- A Menolak sebarang penjajahan
- B Perpaduan membawa kejayaan
- C Peperangan membawa kemusnahan
- D Mengelakkan pergaduhan antara kaum

30 Tindakan berikut diambil oleh Amerika Syarikat semasa Perang Dunia Kedua.

Tarikh	Peristiwa
6 Ogos 1945	Bom atom " <i>Little Boy</i> " digugurkan di Hiroshima.
8 Ogos 1945	Bom atom " <i>Fat Man</i> " digugurkan di Nagasaki.

Mengapakah tindakan tersebut terpaksa dilaksanakan?

(BUKU Teks, m. 82)

- A Menguasai Jepun
- B Menamatkan perang
- C Menguji kekuatan senjata
- D Menghapuskan cabaran musuh